

25 AUG 1997

Anwar-wanita

ANWAR JAMIN PENYERAGAMAN UNDANG-UNDANG ISLAM ADIL KEPADA SEMUA

SHAH ALAM, 25 Ogos (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini memberi jaminan bahawa penyeragaman undang-undang Islam antara negeri yang sedang dijalankan akan memberi keadilan kepada semua pihak tanpa mengira kaum.

Beliau berkata pelaksanaan undang-undang Islam yang diselaraskan penting bagi menjamin keadilan terhadap semua pihak termasuk kaum wanita yang sering kali dilaporkan media massa dari semasa ke semasa sebagai mangsa dalam masalah rumahtangga.

"Perkara ini perlu ditekankan kerana kalau tidak bila sebut sahaja Mahkamah Syariah, maka ada tanggapan di kalangan wanita seolah-olah pentadbiran Islam itu tidak menjamin keadilan kepada mereka," katanya ketika berucap pada majlis pelancaran Hari Wanita 1997 di Dewan Jubli Perak, Bangunan Salahudin Sultan Abdul Aziz Shah di sini hari ini.

Menurutnya pentadbiran Islam hanya adil sekiranya ia berlaku adil kepada kaum lelaki, wanita, umat Islam mahupun bukan Islam dan ia merupakan prinsip utama pentadbiran Islam yang tidak boleh dipertikaikan.

Beliau berkata inilah sebabnya sekiranya ada sebarang percanggahan maka ia perlu diperbaiki dengan bijaksana dan bukannya dengan menyerang semua pihak.

"Kerana kita tahu ramai kalangan kadi dan ulama kita yang bertanggungjawab dan mengambil langkah sebaik mungkin untuk memberi keadilan kepada semua pihak," katanya.

Anwar berkata kerajaan kini bersungguh-sungguh untuk melaksanakan Akta Keganasan Rumahtangga dalam usaha menjamin keadilan kepada kaum wanita dan pada peringkat awal ini ia memerlukan kefahaman yang jelas bagi semua termasuk keluarga dan pihak penguatkuasa.

Katanya akta itu mengambil masa yang agak lama untuk diluluskan kerana ia membabitkan isu-isu yang agak sensitif melibatkan keharmonian keluarga serta memerlukan kefahaman semua pihak dan penguatkuasaan yang bijaksana.

"Kita mahukan masyarakat faham bahawa ia adalah tanggungjawab semua dan menjadi tugas kita untuk mendidik dan menyampaikan pesanan supaya orang ramai faham mengenainya. Sebab itu undang-undang Islam itu perlu disusun dengan rapi," katanya.

Sementara itu katanya beliau telah berbincang dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung Pelan Tindakan Pembangunan Wanita yang dicadangkan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Zaleha Ismail.

Anwar berkata beliau telah menyenaraikan beberapa perkara berhubung dengan pelan itu yang perlu diambil tindakan dan kini hanya menunggu untuk dikemuka dan dipertimbangkan pada peringkat jemaah menteri.

Menurutnya apa yang ditekankan dalam pelan ini adalah untuk mengenalpasti aspek-aspek yang lebih khusus yang perlu diberi penekanan dan diambil tindakan yang boleh dikhususkan kepada wanita.

Beliau berkata dakwaan bahawa peruntukan belanjawan untuk pembangunan wanita adalah kecil tidak timbul kerana peruntukan untuk mereka juga terkandung di bawah peruntukan beberapa bidang lain seperti pendidikan, kesihatan dan pembangunan luar bandar.

"Bahkan sekarang ini sebagaimana yang kita tahu pelajar-pelajar wanita mendapat keputusan yang jauh lebih cemerlang, tetapi jangan kita seronok kerana ia juga membimbangkan, yang lelaki itu pun anak-anak kita juga," katanya.

Katanya ini menyebabkan Kementerian Pendidikan dan Institusi Pengajian Tinggi terpaksa memberi penekanan supaya pelajar lelaki tidak ketinggalan, namun ia harus berlaku adil dan memberi peluang kepada wanita yang mempunyai kelayakan untuk melanjutkan pelajarannya.

Menurutnya negara mempunyai rekod pencapaian wanita dalam bidang pendidikan yang luar biasa cemerlang yang diakui sendiri oleh rakan-rakan dari negara lain.

-- BERNAMA

AZH AHH